



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL.22 / 2019

ISU PEMAKAIAN BAJU YANG TERTERA *TAGLINE*

Bagi mana-mana pilihan raya, memakai baju atau membawa masuk apa-apa material yang tertera *tagline*, *slogan*, *motto* atau apa-apa perkataan oleh pengundi adalah dibenarkan untuk memasuki Pusat Mengundi pada Hari Mengundi. Namun Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) ingin menegaskan bahawa *tagline*, *slogan*, *motto* atau perkataan yang digunakan itu tidak boleh berbaur hasutan, cercaan, provokasi atau menyentuh sensitiviti kaum yang boleh mengugat keharmonian serta mengganggu kelancaran proses pengundian pada Hari Mengundi.

Mana-mana pengundi yang gagal mematuhi arahan tersebut tidak akan dibenarkan masuk ke dalam Pusat Mengundi. Bagi mengelakkan berlakunya perkara yang tidak diingini, SPR menyeru semua pihak agar mematuhi semua undang-undang bagi memastikan hak demokrasi dapat dilaksanakan di dalam suasana aman dan tenteram.

Sekian, terima kasih.

AZHAR AZIZAN HARUN

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia

Tarikh: 20 Februari 2019 / 15 Jamadil Akhir 1440H